

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JANUARY 2017

# Tun M bagaikan akui kesilapan sendiri

BH- 16/1/2017

**B**aru 23 Disember lalu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad, menyebut dalam ucapannya bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah rasuah, haram dan salah, baik dari sudut agama atau undang-undang. Malam kelmarin, dalam ucapannya sempena Majlis Pelancaran PPBM di Stadium Malawati, Dr Mahathir mengejutkan banyak pihak bila menyebut perkara di sebaliknya pula.

“Jika BR1M mustahak, maka wang ini akan diagih oleh pegawai kerajaan” dan “jika dipersejujui oleh rakyat, BR1M, akan dijadikan bantuan statutori yang ditentukan oleh undang-undang dan bajet biasa”. Dr Mahathir menunjukkan kesanggupan melakukan apa sahaja termasuk menjilat ludah sendiri demi mencapai cita-cita politik sempitnya untuk menjatuhkan Kerajaan BN-indukan UMNO.

Kali ini, tanpa segan dan silu, dan tanpa sebarang permohonan maaf, tidak sampai pun sebulan selepas Dr Mahathir mengungkapkannya, beliau kini terpaksa mengakui BR1M bukan rasuah, BR1M satu dasar ekonomi yang baik, dan BR1M diterima rakyat terbanyak, termasuk pemimpin pembangkang lain.

Membuat pusingan U jadi perkara biasa bagi Dr Mahathir kebelakangan ini walaupun beliau sebelum ini dikenali sangat sukar mengakui kesilapan sendiri. Dilihat kepada ucapannya itu, begitu banyak sekali pusingan U dibuatnya sekali gus menjadi pengakuan terbuka atas kesilapannya waktu menjadi Perdana Menteri. Janji beliau melakukan segala reformasi diperlukan jika pakatan pembangkang berkuasa termasuk menjunjung kebebasan bersuara, kebebasan media dan kebebasan berpolitik sangat melucukan.

## Pindaan perketat Akta Rahsia Rasmi

Waktu beliau jadi Perdana Menteri pindaan memperketat Akta Rahsia Rasmi (OSA) dibuat pada 1986, disifatkan oleh Penasihat DAP, Lim Kit Siang (LKS) sebagai undang-undang paling berbahaya dan merosakkan pernah diperkenalkan kerajaan Dr Mahathir. Kata Kit Siang, pindaan OSA itu serangan kritikal ke atas demokrasi berparlimen, kebebasan media, kebebasan kehakiman, kerajaan bertanggungjawab dan berakuntabiliti serta Malaysia bebas rasuah.

Begitu juga janji Dr Mahathir kononnya kerajaan yang akan ganti BN akan menghormati sistem pentadbiran negara dengan memisahkan kuasa antara legis-

latif, eksekutif dan kehakiman yang boleh buat ramai ketawa terbahak-bahak. Rekod buruk Dr Mahathir dalam soal pengasingan kuasa antara tiga cabang kerajaan ini sudah diketahui dunia, malah dikaji khustus oleh Tan Sri Dr Rais Yatim dalam tesis doktor falsafahnya bertajuk *The Rule of Law and Executive Power in Malaysia: A Study of Executive Supremacy* pada 1994.

Dr Mahathir nampaknya menjanjikan bulan dan bintang kepada rakyat Malaysia demi menarik mereka menyokong partinya dan pembangkang lain tanpa menyedari implikasi jangka panjang segala janjinya. Berdasarkan kepada ucapan terbarunya, Dr Mahathir sekarang menghadapi sindrom ingin kembali berkuasa, dikaitkan dengan perumpamaan seperti ‘gila talak’ atau, dalam bahasa Kelantan, ‘ayam gilakan sangkak’.

Ucapan Dr Mahathir ini juga menimbulkan persoalan apakah segala janjinya telah dibincang dan dipersetujui bukan sahaja Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM tetapi juga Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) selaku rakan sekutu PPBM. Walaupun Dr Mahathir sendiri sering nafi ingin kembali berkuasa atau akan kembali bertanding dalam pilihan raya, tingkah lakunya akhir-akhir ini membayangkan hasratnya men-

jadi pemimpin de facto pembangkang.

## Ahli PPBM baru ‘puluhan ribu’

Bimbang nanti jika ada pemimpin pembangkang lain akan mempersoal siapa Dr Mahathir untuk umum janji bagi pihak pembangkang atau untuk menga-rahkan apa yang boleh dimasukkan dalam manifesto mereka. Apa pun, dalam keghairahan beliau memposisikan diri dalam pakatan pembangkang ini, Dr Mahathir perlu diingatkan bahawa Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sendiri dalam ucapannya menyebut ahli PPBM sekarang baru ‘puluhan ribu’ bukan ‘lebih 100,000’ seperti disebutkan Dr Mahathir kepada media 7 Januari lalu.

Mungkin elok juga diingatkan bahawa dalam keghairahan Dr Mahathir cuba meluaskan pengaruh PPBM, lagu rasmi PPBM yang baru dilancarkan tidak ada sebarang rujukan kepada bangsa dan agama di dalamnya tetapi sekadar merujuk kepada nilai universal seperti sering disebut DAP, tidak seperti lagu rasmi UMNO. Janganlah nanti PPBM menjadi seperti perumpamaan, yang dikejar tidak dapat yang dikendong kecikiran. Janganlah pula rakyat Malaysia menjadi ‘mendengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan.’

## Komentar



**Dr Kamarul  
Zaman Yusoff**

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia